

## Pembelajaran Ilmu Hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia

Maulana Muhammad Ilyas Bin Temrin<sup>1</sup> & Mohd Akil Muhamed Ali<sup>2</sup>

Email : <sup>1</sup>maulanailyas09@gmail.com & <sup>2</sup>akil@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2</sup>Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

Pembelajaran ilmu hadith adalah salah satu aspek penting dalam pendidikan setiap umat Islam. Hal ini kerana hadith adalah sumber kedua terpenting dalam kehidupan umat Islam selepas al-Quran. Namun begitu, masyarakat Islam khususnya di Malaysia pada masa kini hanya menekankan pendidikan al-Quran kepada anak-anak tanpa menjelaskan peranan hadith Rasulullah SAW yang menjadi penjelas kepada makna al-Quran tersebut. Penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) adalah di antara langkah bijak kerajaan dalam menyampaikan ilmu khususnya ilmu Islam kepada masyarakat. Salah satu bidang yang akan dipelajari oleh pelajar SMKA ialah pengajian ilmu hadith. Meskipun begitu, terdapat kekangan dan kekurangan yang dihadapi dalam proses menyampaikan ilmu kepada murid khususnya ilmu hadith. Artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan iaitu dengan meneliti buku-buku teks dan sukatan pelajaran bagi mendapatkan maklumat mengenai pembelajaran ilmu hadith di peringkat SMKA. Artikel ini bertujuan meninjau pembelajaran ilmu hadith yang disampaikan di peringkat sekolah dan permasalahan yang timbul sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) subjek ini. Artikel ini mendapati bahawa permasalahan yang timbul dalam pengajian ilmu hadith di peringkat sekolah ialah peruntukan masa belajar yang terhad, kelemahan sistem pembelajaran yang hanya menggunakan buku teks dan kekurangan buku teks yang khusus untuk pengajian hadith di peringkat sekolah. Selain itu, para guru juga tidak mendapat bahan bantu mengajar (BBM) yang mencukupi dari pihak pentadbir sekolah. Faktor-faktor tersebut menjadi permasalahan yang sering dihadapi oleh para guru dalam menyampaikan pembelajaran ilmu hadith di peringkat sekolah.

**Kata kunci:** *Pembelajaran, Ilmu Hadith, Permasalahan*

### Abstract

The learning science of hadith is one of the important aspect in the education of every Muslim. This is due to hadith is the second most important source in Muslim's life after the al-Quran. However, the majority of Muslim community especially in Malaysia nowadays only emphasize the education of al-Quran to children without explaining the role of hadith by the Prophet Muhammad which is the exposition of the meaning in al-Quran. The establishment of Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) is one of the smart move by the government in delivering Islamic Knowledge to public. One of the courses that will be studied there is the knowledge science of hadith. However, there are limitations and shortcomings encountered by the SMKA in the process of imparting knowledge to their students especially for ilmu hadith. This research used content analysis method by reviewing textbooks and syllabi to get the information about learning the knowledge science of hadith in the SMKAs. This article aims to review of the science of hadith learning at the school level and the problems that arise during the process of teaching and learning (P&P) of this subject. This article found that the problems arise at school level are limited study time, weakness of learning system that only rely on textbooks and the lack of textbook for learning hadith. In addition, teachers are also not provided with enough teaching aid by the school administrator. Those mentioned factors are the problems that faced by teachers in the teaching science of hadith at school level.

**Keywords:** *Education, Knowledge of Hadith, Problems*

### 1. Pengenalan

Kesedaran pihak kerajaan terhadap kepentingan pendidikan agama bagi anak bangsa menyaksikan munculnya banyak sekolah agama pada masa kini. Sekolah-sekolah agama di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan

Malaysia antaranya ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) (Masitah & Aizan 2015). Pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) walaupun menghadapi pelbagai cabaran menyaksikan kesungguhan pihak kerajaan dalam membantu meningkatkan kualiti pendidikan kepada rakyat khususnya pendidikan agama (Azizi & Supyan 2012).

Penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di setiap negeri juga menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam memastikan setiap rakyat berpeluang mendapatkan pendidikan agama walaupun berada di kawasan pedalaman. Artikel ini hanya akan memfokuskan kepada sistem pembelajaran di SMKA sahaja. Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) hanya melibatkan pelajar sekolah menengah iaitu bermula daripada pelajar Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 6. Semua urusan dan keperluan bagi SMKA ditadbir dengan tersusun iaitu melalui peringkat pejabat pendidikan dari peringkat daerah sehinggalah peringkat negeri dan pusat (Masitah & Aizan 2015). Pelbagai subjek ditawarkan bagi pelajar SMKA termasuklah subjek Sains, Sejarah, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan banyak lagi. Subjek pendidikan Islam sangat ditekankan di SMKA bagi melahirkan pelajar yang mempunyai ketahanan diri dalam menghadapi cabaran budaya yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam bersesuaian dengan objektif yang telah ditetapkan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016).

Ilmu hadith merupakan salah satu cabang ilmu yang akan dipelajari oleh setiap pelajar yang berlatarbelakangkan pengajian Islam termasuklah pelajar-pelajar yang berada di SMKA (Fauzi, Ishak & Faisal 2010). Meskipun pembelajaran ilmu hadith tidak dijadikan subjek khusus, namun ianya digabungkan di dalam subjek-subjek yang lain iaitu subjek Pendidikan Syariah Islamiyyah (PSI) dan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS) di peringkat SPM dan subjek Syariah dan Usuluddin di peringkat STPM.

Sukatan pelajaran bagi subjek Pendidikan Syariah Islamiyyah (PSI) dan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS) masih menggunakan sukatan pelajaran lama yang telah digubal pada tahun 2004 (Shofian, Nazri & Amir Husain 2015 ; Aimi, Muhammad Haidir & Muhammad Shah 2011). Manakala bagi subjek Syariah dan Usuluddin telah diperbaharui pada tahun 2012 dengan modul sukatan pelajaran yang baru (Majlis Peperiksaan Malaysia 2012). Berdasarkan sukatan pelajaran keempat-empat subjek tersebut menunjukkan bahawa setiap subjek tersebut mempunyai sukatan pelajaran yang melibatkan pembelajaran ilmu hadith.

## **2. Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia**

Pada tahun 1970-an, Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat kurang mendapat sambutan daripada masyarakat tempatan kerana sistem pentadbirannya yang tidak teratur dan kurang prasarana. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia pada masa tersebut telah mengadakan rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia agar sistem pentadbiran dan kurikulum di sekolah-sekolah agama diselaraskan dengan sekolah menengah harian (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017).

Kebanyakan sekolah agama sebelum ini hanya menekankan pengajian Islam dan bahasa Arab sahaja tanpa memberi perhatian kepada mata pelajaran yang lain seperti yang terdapat di Sekolah Menengah Kebangsaan misalnya mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, Sejarah dan lain-lain. Hal ini berlaku kerana sekolah-sekolah agama tidak berkemampuan untuk menyediakan prasarana-prasarana yang diperlukan seperti bilik-bilik makmal dan peralatan-peralatan yang diperlukan. Kesannya, lulusan sekolah agama sukar untuk bersaing dalam pasaran sumber tenaga manusia (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017).

Hasil dari rundingan tersebut, pada tahun 1977 menyaksikan 11 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) telah ditubuhkan dan kini telah berkembang kepada 55 buah sekolah. SMKA menawarkan suasana pembelajaran yang seimbang antara akademik dan pengisian rohani pelajar. Hal ini selari dengan tujuan asal penubuhan SMKA iaitu untuk memberi pendidikan agama Islam yang sempurna (Kementerian Pelajaran Malaysia 2007). Kemasukan pelajar ke SMKA akan dipilih berdasarkan kecemerlangan pelajar di peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSAR). Hal ini bagi memberi peluang kepada para pelajar yang berkualiti di seluruh negara menerima peluang pendidikan yang lebih baik (Kementerian Pelajaran Malaysia 2007).

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia telah ditubuhkan sebanyak 55 buah sekolah iaitu 8 buah sekolah di Sarawak, 8 buah di Sabah dan 39 buah di Semenanjung Malaysia. Objektif utama penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) ialah bagi melahirkan pelajar yang mengamalkan akhlak yang mulia, membentuk generasi pelajar sebagai pemimpin yang boleh diteladani, melahirkan pelajar yang mempunyai ketahanan diri dalam menghadapi cabaran budaya yang bercanggah

dengan nilai-nilai Islam dan menyediakan pelajar yang dapat memberi sumbangan yang berkesan bagi memenuhi keperluan Negara dan Ummah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016). Jadual 3.1 menunjukkan senarai nama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang terdapat di Malaysia.

Jadual 3.1 : Senarai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Nama Sekolah</b>	<b>Bilangan Sekolah</b>
1.	Perlis	SMKA Arau SMKA (P) Kangar	2
2.	Kedah	SMKA Kedah SMKA Baling SMKA Sik SMKA Yang	4
3.	Pulau Pinang	SMKA (L) Al-Mashoor SMKA (P) Al-Mashoor SMKA Nibong Tebal SMKA Al-Irsyad	4
4.	Kuala Lumpur	SMKA Kuala Lumpur	1
5.	Negeri Sembilan	SMKA Sheikh Haji Mohd Said SMKA Pedas	2
6.	Perak	SMKA Sultan Azlan Shah SMKA Slim River SMKA Kerian	3
7.	Selangor	SMKA Simpang Lima SMKA Kuala Selangor SMKA Maahad Hamidiah	3
8.	Melaka	SMKA Sharifah Rodziah SMKA Sultan Muhammad	2
9.	Johor	SMKA Maahad Muar SMKA Segamat SMKA Johor Bahru SMKA Bandar Penawar	4
10.	Pahang	SMKA Tengku Ampuan Hajjah Afzan Pahang SMKA Pahang	2
11.	Terengganu	SMKA Sheikh Abdul Malik SMKA Tok Jiring SMKA Wataniah SMKA Durian Guling SMKA Kuala Abang SMKA Nurul Ittifaq	6
12.	Kelantan	SMKA Naim Lil Banat SMKA Falahiah SMKA Wataniah	6

		SMKA Melor	
		SMKA Tangok	
		SMKA Lati	
13.	Sabah	SMKA Tun Sakaran	8
		SMKA Sandakan	
		SMKA Muhammad Ali Ranau	
		SMKA Inanam	
		SMKA Limauan	
		SMKA Kota Kinabalu	
		SMKA Tun Datu Mustapha	
		SMKA Tun Said	
14.	Sarawak	SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab	8
		SMKA Matang	
		SMKA Sibul	
		SMKA Miri	
		SMKA Tun Ahmad Zaidi	
		SMKA Limbang	
		SMKA Igan	
		SMKA Seri Aman	

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

### 3. Pembelajaran Ilmu Hadith Di SMKA

Muhammad Abu al-Layth (2011) menjelaskan bahawa ilmu hadith sebagai satu kesenian ilmu yang membahaskan setiap cabang yang berkaitan dengan ilmu-ilmu hadith sama ada dari sudut *riwayah* dan *dirayah*. Contoh-contoh ilmu hadith ialah ilmu *mustalah*, ilmu takhrij, metodologi ahli hadith, *mukhtalif* dan *mushkil hadith*, *sabab wurud al-Hadith* dan banyak lagi. Ilmu hadith menurut ulama *mutaqaddimin* adalah ilmu pengetahuan yang membincangkan tentang cara-cara penyampaian hadith sampai kepada Rasulullah SAW dari aspek perawinya, yang melibatkan *kedabitan* dan keadilannya, dari aspek bersambung dan terputusnya sanad hadith, dan sebagainya (Munzier dan Utang 1993).

Ilmu hadith menurut Mohd Muhiden (2010) ialah suatu ilmu yang mengkaji tentang kaedah mengenal pasti penerimaan atau penolakan sesebuah hadith sama ada dari aspek sanad mahupun matannya. Ia selari dengan penerangan dalam buku teks Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah Tingkatan 4 yang menyatakan ilmu hadith ialah suatu kaedah untuk mengetahui keadaan sanad dan matan sama ada diterima atau ditolak. Manakala sukatan pelajaran STPM bagi mata pelajaran Usuluddin pula menjelaskan bahawa ilmu hadith ialah bidang ilmu yang mengkaji risalah Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, dapat difahami bahawa ilmu hadith adalah setiap ilmu yang melibatkan pembelajaran hadith. Artikel ini akan melihat tahap ilmu hadith yang terdapat di dalam sukatan pembelajaran hadith dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiyyah dan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah peringkat SPM dan mata pelajaran Syariah dan Usuluddin di peringkat STPM. Bahan rujukan utama ialah sukatan pelajaran, buku teks dan buku-buku rujukan yang digunakan oleh pengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

#### i. Peringkat SPM

Peringkat SPM, pelajar Tingkatan 4 dan 5 di SMKA disajikan dengan dua subjek utama dalam pengajian Islam iaitu mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiyyah (PSI) dan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS). Huraian mata pelajaran ini dihurai berdasarkan buku teks terkini yang telah digunakan oleh semua SMKA sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2016.

### Pendidikan Syariah Islamiyyah (PSI)

Pendidikan Syariah Islamiyyah di peringkat SPM terbahagi kepada dua tahap iaitu tahap Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Kedua-kedua tahap ini menggunakan buku teks yang berbeza dan disusun berdasarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan telah diperakui oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Buku teks yang digunakan dalam pembelajaran ini juga telah memenuhi kehendak sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran yang telah disediakan oleh bahagian-bahagian tertentu di Kementerian Pendidikan seperti Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral serta Jabatan Pendidikan Teknikal. Berikut ialah pengenalan ringkas sukatan pelajaran yang telah disediakan mengikut tahap masing-masing.

Merujuk kepada buku teks Tingkatan 4 mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiyyah, subjek ini telah dibahagikan kepada lima bahagian utama iaitu Akidah, Usul Fiqh, Ayat Hukum, Hadith Hukum dan Fiqh. Setiap bahagian mengandungi beberapa tajuk kecil mengikut huraian sukatan pelajaran yang telah ditetapkan. Berdasarkan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan, subjek ini tidak menyajikan subtopik yang khusus dalam ilmu hadith namun menyentuh sedikit mengenai ilmu hadith dalam bahagian Usul Fiqh iaitu dalam tajuk hukum syarak pada muka surat 46. Dalam tajuk ini pelajar diperkenalkan dengan definisi al-Sunnah, pembahagian al-Sunnah, contoh-contoh al-Sunnah, autoriti al-Sunnah dan fungsi al-Sunnah.

Bahagian lain yang turut menyentuh mengenai ilmu hadith ialah pada bahagian Hadith Hukum bermula pada muka surat 136 sehingga muka surat 171. Dalam bahagian ini dibahagikan pula kepada empat tajuk kecil iaitu tajuk Mengubah Ciptaan Allah, Syak Dalam Solat, Wasiat dan Memberi Dan Menjawab Salam. Setiap tajuk ini mengandungi satu rangkaian hadith utama yang menjadi dalil utama dalam menghuraikan tajuk tersebut. Hadith tersebut kemudiannya dihuraikan isi kandungannya, dijelaskan kaedah istinbat hukum dan dikuatkan dengan dalil-dalil yang lain sama ada daripada dalil al-Quran, al-Hadith mahupun dalil logik akal (saintifik).

Selain itu, hampir kesemua tajuk dalam sukatan pelajaran ini mengandungi hadith Rasulullah SAW dalam menjelaskan atau menguatkan sesuatu hukum syarak. Hadith tersebut dinyatakan dalam bentuk rangkaian sanad yang ringkas, matan yang ringkas dan mencukupi untuk menjelaskan sesuatu hukum, matan yang dibariskan, mengandungi maksud dalam bahasa Melayu dan dinyatakan sumber pengambilannya dari kitab asal. Contohnya rangkaian hadith pada muka surat 50:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْقَاتِلُ لَا يَرِثُ.

( رواه ابن ماجه )

Maksudnya : Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda : Orang yang membunuh tidak boleh mewarisi.

Sukatan pelajaran Tingkatan 5 bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiyyah juga terbahagi kepada enam bahagian yang utama iaitu Akidah, Sejarah Perundangan Islam, Usul Fiqh, Ayat-ayat Hukum, Hadith-hadith Hukum dan Fiqh. Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 5 mengandungi pembelajaran ilmu hadith secara ringkas iaitu pada bahagian Akidah dalam tajuk Ayat dan *Hadith Mutashabihat*. Pelajar diperkenalkan dengan maksud *hadith mutashabihat* dan pandangan ulamak *salaf* dan *khalaf* terhadap *hadith mutashabihat*.

Pada bahagian lain yang menyentuh secara ringkas ilmu hadith ialah pada bahagian Hadith-hadith Hukum. Terdapat lima tajuk kecil dalam bahagian tersebut iaitu tajuk Arak, Zina, Membunuh Diri, Berkelakuan Ganas Dan Pendedahan Aurat dan Harta Wakaf. Setiap tajuk kecil tersebut mengandungi satu rangkaian hadith yang menjadi dalil utama dalam menghuraikan tajuk tersebut. Hadith tersebut kemudian dijelaskan dengan dinyatakan matan hadith yang sudah dibariskan, sumber rujukan hadith, maksud hadith dalam bahasa Melayu, huraian ringkas hadith, kaedah ulamak dalam mengistinbatkan hukum, sebab wurud hadith dan hikmah hukum syarak yang telah ditetapkan.

Pada tajuk-tajuk yang lain juga mengandungi dalil-dalil daripada hadith yang digunakan sebagai dalil-dalil hukum dan dalil penguat kepada sesuatu hukum syarak. Oleh itu, para pelajar dapat mengenal kegunaan hadith Rasulullah SAW sebagai sumber hukum kedua dalam Islam selepas al-Quran al-Karim.

### Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS)

Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah di peringkat SPM juga terbahagi kepada dua tahap iaitu tahap Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Setiap tahap disediakan buku teks masing-masing sepertimana buku teks Pendidikan Syariah Islamiah. Buku teks tersebut telah disusun berdasarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan telah diperakui oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kedua-dua buku teks tersebut juga telah memenuhi kehendak sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran yang telah disediakan oleh bahagian-bahagian tertentu di Kementerian Pendidikan seperti Pusat Prerkembangan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral serta Jabatan Pendidikan Teknikal.

Berdasarkan buku teks Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah Tingkatan 4, subjek ini telah dibahagikan kepada enam bahagian utama iaitu Pengajian al-Quran, Ulum al-Quran, Pengajian Hadith, Ulum al-Hadith, Akhlak dan Tamadun. Sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Pengajian al-Quran dan al-Sunnah agak berbeza dengan mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah kerana mata pelajaran ini mengandungi subtopik yang khusus mengenai ilmu hadith iaitu pada pada muka surat 158 sehingga 196. Tajuk kecil ‘Ulum al-Hadith ini menjelaskan tentang pengenalan ilmu hadith, kedudukan hadith sebagai sumber kedua perundangan Islam, ilmu hadith *riwayah* dan *dirayah*, *hadith nabawi*, *hadith qudsi*, *hadith mutawatir*, *hadith ahad*, *hadith sahih*, *hasan* dan *da‘if*, dan istilah-istilah asas dalam ‘*ulum al-Hadith*’.

Pengajian hadith juga turut disediakan dalam sukatan pelajaran ini iaitu bermula dari muka surat 115 sehingga 157. Dalam tajuk ini, hadith dijadikan sebagai sumber dalil utama dalam menjelaskan tajuk-tajuk yang telah dipilih iaitu Kelebihan Menuntut Ilmu, Peranan Ulama, Akhlak Mulia, Mensyukuri Nikmat Allah, Menjauhi Sifat-sifat Buruk, dan Iman dan Jihad. Hadith yang dijadikan dalil utama disertakan dengan rangkaian sanad yang ringkas iaitu hanya melibatkan para sahabat yang meriwayatkannya dan matan yang diberikan juga lengkap iaitu bersesuaian dengan kehendak dalam menghuraikan tajuk tersebut. Matan tersebut juga diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan dinyatakan sumber rujukan hadith tersebut namun tidak dinyatakan martabat hadith tersebut sama ada *sahih*, *hasan* atau *da‘if*. Contoh rangkaian hadith yang dijadikan hujah utama ialah sepertimana dalam tajuk Kelebihan Menuntut Ilmu iaitu seperti berikut :

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : " مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَبْتَغِي فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَصْغُرُ أَجْنِحَتُهَا رِضًا بِطَالِبِ الْعِلْمِ، وَإِنَّ الْعَالِمَ لَيَسْتَغْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ حَتَّى الْخَيْتَانِ فِي الْمَاءِ، وَفَضِيلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضِيلِ الْقَمَرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ، إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، إِنْ الْأَنْبِيَاءُ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا إِلَّا وَرَثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخَذَ بِهِ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ "

(رواه أبو داود والترمذي)

Maksudnya : Daripada Abu al-Darda' RA berkata : Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang berusaha untuk menuntut ilmu, Allah akan mempermudahkannya jalan menuju ke syurga dan para malaikat mengembangkan sayapnya menaungi orang yang menuntut ilmu kerana suka akan mereka. Sesungguhnya orang yang alim juga akan dipohonkan keampunan oleh makhluk yang berada di langit dan di bumi sehinggakan ikan di air dan kelebihan seorang yang berilmu dengan seorang ‘*abid*’ sama seperti bulan purnama berbanding dengan cakerawala-cakerawala yang lain. Sesungguhnya ulamak itu pewaris para nabi dan sesungguhnya para nabi tidak sedikitpun meninggalkan harta walau satu dinar atau satu dirham, sesungguhnya mereka hanya mewariskan ilmu, maka sesiapa yang mendapatkan ilmu bererti ia telah memperoleh bahagiannya yang besar.”

Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah Tingkatan 5 juga dibahagikan kepada enam bahagian yang sama iaitu Pengajian al-Quran, Ulum al-Quran, Pengajian Hadith, ‘*Ulum al-Hadith*’, Akhlak dan Tamadun. Pembelajaran yang melibatkan ilmu hadith dalam mata pelajaran ini terdapat pada muka surat 130 sehingga 156 di bahagian ‘*Ulum al-Hadith*’. Bahagian ini menjelaskan mengenai hadith *marfu‘*, *mauquf*, *mursal*, *maqtu‘*, *shaz*, *maudu‘*, gelaran bagi ahli hadith dan kitab *sunan al-sittah*.

Di samping itu, tajuk Pengajian Hadith juga turut disertakan dalam mata pelajaran ini iaitu pada muka surat 96 sehingga 137. Tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah Tanggungjawab Individu Muslim, Konsep Niat, Pekerjaan Yang Mulia, Berpegang Dengan al-Quran Dan al-Sunnah, dan Mukmin Yang Lebih Dikasihi Allah SWT. Penerangan bagi setiap tajuk-tajuk ini sama sepertimana bentuk pembelajaran Pengajian Hadith di peringkat Tingkatan 4. Satu rangkaian hadith dijadikan dalil utama perbincangan dengan disertakan maksud

hadith, rujukan ringkas hadith, rangkaian sanad yang ringkas dan matan yang mencukupi untuk menjelaskan tajuk-tajuk yang akan dibincangkan. Hadith ini kemudiannya dipotong sedikit-sedikit bagi memudahkan proses pengajaran dan kefahaman para pelajar.

## ii. Peringkat STPM

Pengajian di peringkat STPM pula menyajikan dua subjek utama dalam pengajian Islam iaitu Usuluddin dan Syariah. Kedua-dua subjek ini mengandungi subtopik melibatkan pembelajaran ilmu hadith. Bermula pada tahun 2012, sukatan pelajaran yang baharu telah digubal bagi memperbaiki orientasi pengajaran dan pembelajaran pelajar Tingkatan Enam supaya tidak jauh berbeza dengan pembelajaran di peringkat yang seterusnya iaitu di kolej dan universiti. Berikut ialah penerangan secara ringkas mengenai kedua-dua subjek tersebut :

### Syariah

Berdasarkan sukatan pelajaran yang telah disediakan, subjek Syariah dibahagikan kepada empat kertas iaitu Kertas 1 (Usul Fiqh), Kertas 2 (Usul Fiqh dan Kaedah Fiqh), Kertas 3 (Ayat Ahkam dan Hadis Ahkam) dan Kertas 4 (Kerja Projek). Subjek Syariah tidak menyajikan subtopik yang jelas mengenai ilmu hadith, namun ilmu hadith disentuh secara ringkas dalam bahagian Usul Fiqh iaitu bahagian pengenalan kepada al-Sunnah selama 12 waktu.

Pengenalan al-Sunnah yang dinyatakan adalah menyentuh Pengertian al-Sunnah, Bahagian al-Sunnah, Kedudukan al-Sunnah dan Peranan al-Sunnah. Ilmu hadith turut disebut pada bahagian Hadis Ahkam yang menjelaskan secara ringkas *Asbab al-Wurud*, *Syarah al-Hadith Secara Ijmali Dan Tafsili*, Maksud Ungkapan Hadis, *Istinbat Hukum*, *Taujihat*, dan Hubungan Hadis Dengan Nas Lain Yang Berkaitan Dan Realiti Masyarakat Masa Kini. Tempoh waktu yang diberikan untuk sesi pembelajaran Hadis Ahkam ialah selama 60 waktu.

### Usuluddin

Merujuk kepada sukatan pelajaran dari Majlis Peperiksaan Malaysia (2012), subjek ini dibahagikan kepada empat kertas iaitu Kertas 1 (Ilmu Tauhid), Kertas 2 (Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith), Kertas 3 (Ilmu Mantik), dan Kertas 4 (Kerja Projek). Setiap kertas akan diambil di setiap penggal. Oleh itu, subjek Ulum al-Hadith akan dipelajari pada penggal kedua. Berdasarkan jadual tersebut, waktu yang diperuntukkan untuk mempelajari *Ulum al-Hadith* adalah selama 60 waktu iaitu sama bilangan waktunya dengan pengajian *Ulum al-Quran*.

Secara ringkasnya, subjek *Ulum al-Hadith* yang disediakan adalah mengenai takrif hadith *al-Nabawi*, hadith *al-Qudsi*, takrif sunnah, kedudukan hadith dalam Islam, takrif dan kepentingan *ulum al-Hadith*, perkembangan *ulum al-Hadith* zaman Rasulullah SAW dan sahabat sehingga abad kesepuluh Hijrah, sejarah penulisan hadith, *tadwin al-Hadith*, penyusunan kitab hadith dan metodenya, klasifikasi al-hadith berdasarkan bilangan perawi, sifat perawi dan akhir sanad, *mukhtalif* dan *musykil* al-Hadith, *jarh* dan *ta'dil*, pengenalan kitab *syarah al-Hadith* dalam Bahasa Melayu, hadith *mawdu'*, pandangan Orientalis terhadap al-hadith, dan gerakan antihadis di Malaysia.

## 4. Permasalahan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Pengajian Ilmu Hadith

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) adalah di antara golongan sasaran pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk diserap menjadi mahasiswa di IPTA tertentu khususnya dalam bidang pengajian Islam. Oleh itu, kurikulum para pelajar di sekolah tersebut haruslah mencapai tahap yang mencukupi untuk menjadi bekalan kepada para pelajar menghadapi alam universiti. Sesuai dengan tujuan utama Majlis Peperiksaan Malaysia memperkenalkan sistem peperiksaan yang baharu tersebut iaitu untuk memperbaiki orientasi pengajaran dan pembelajaran di Tingkatan Enam supaya tidak jauh berbeza dengan orientasi pengajaran di peringkat kolej dan universiti (Majlis Peperiksaan Malaysia 2012). Hal ini bagi memudahkan proses pembelajaran di peringkat IPT dan memberi semangat kepada para pelajar untuk lebih mendalami ilmu agama khususnya ilmu hadith.

Namun begitu, berlakunya beberapa masalah dalam sistem pembelajaran pengajian Islam khususnya pengajian hadith di peringkat sekolah. Meskipun kajian-kajian lepas tidak merujuk khusus kepada pembelajaran di SMKA, namun mata pelajaran yang dipelajari di sekolah-sekolah tersebut adalah sama iaitu melibatkan mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah. Sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian lepas ialah Sekolah Menengah Agama (SMA), Sekolah Menengah Islam, Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Agama Menengah Kerajaan Negeri. Antara permasalahan yang timbul dalam pengajian hadith di peringkat sekolah adalah peruntukan masa belajar yang terhad, kelemahan sistem pembelajaran yang hanya menggunakan buku teks sebagai rujukan, dan kekurangan buku teks yang khusus untuk pengajian hadith di peringkat sekolah.

Kajian Suhaimi (2006) di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh, Perak yang mendapati bahawa 57% daripada kalangan guru yang mengajar hadith merasakan bahawa masa yang diperuntukkan untuk mengajar hadith adalah tidak memadai. Di antara sebabnya adalah kerana terpaksa memberi laluan kepada pelajaran akademik sehingga menyebabkan masa yang diperuntukkan adalah terlalu singkat. Selain itu, kajian beliau juga mendapati 55% daripada kalangan pelajar hanya berpandukan kepada buku teks sahaja bagi mendalami ilmu hadith. Ini merupakan kelemahan para pelajar yang kurang meminati ilmu hadith di samping sikap mengambil mudah dalam mendalami ilmu hadith ini. Hal ini juga mungkin berlaku kerana kurangnya pendedahan kepada murid tentang rujukan yang lebih berautoriti dan sesuai dalam pengajian Islam khususnya ilmu hadith.

Kajian Rorsuedee Salah (2007) di peringkat sarjananya mendapati sebahagian besar pelajar di Sekolah Menengah Islam al-Amin Gombak, Selangor menyatakan bahawa guru-guru semasa proses pembelajaran tidak menggunakan buku-buku klasik (*turath*) sebagai panduan. Manakala dari sudut persepsi guru terhadap pengajian hadith dalam kajian beliau mendapati 75% yang menyatakan mereka tidak bersetuju bahawa buku teks yang sedia ada mencukupi untuk pengajian hadith. Bahkan mereka menyarankan untuk menyediakan buku teks yang khusus untuk pengajian hadith. Para guru di sekolah tersebut juga menyatakan bahawa masa yang disediakan tidak mencukupi untuk pengajian hadith.

Manakala kajian Januri (2000) di peringkat sarjananya yang bertajuk Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah di Sekolah Menengah Agama : Satu Analisis dan Kajian menunjukkan bahawa mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah amat sesuai untuk pelajar aliran agama. Hasil kajian beliau mendapati bahawa sukatan mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah disusun dengan baik. Namun, perlu kepada semakan semula iaitu pada beberapa teks hadith yang disediakan tidak selari dengan teks hadith dari kitab asal dan penyusunan huraian serta tafsiran ayat al-Quran dalam buku teks Tingkatan 4 agak tidak tersusun. Permasalahan lain yang berlaku ialah semasa sesi pembelajaran, para pelajar menghadapi masalah dalam memahami istilah-istilah pada bahagian *ulum al-hadith* sehingga menyebabkan pelajar kurang berminat untuk mempelajarinya. Selain itu, hasil analisis daripada kajian beliau juga mendapati separuh daripada pelajar yang menjawab soal selidik iaitu 120 orang daripada 240 orang pelajar menyatakan tidak bersetuju bahawa masa yang telah diperuntukkan adalah mencukupi.

Hatifah (2000) dalam kajian sarjananya mendapati bahawa permasalahan yang timbul semasa proses pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiyyah (PSI) di Sekolah Agama dan Harian (Kementerian Pendidikan) dan Sekolah Agama Menengah Kerajaan Negeri di Selangor ialah pihak pentadbiran sekolah tidak menyediakan bahan-bahan bantu mengajar (BBM) secukupnya disamping kurangnya bimbingan yang sewajarnya kepada guru-guru. Para guru juga masih kerap menggunakan kaedah kuliah / syarahan dengan menggunakan buku teks. Selain itu, guru-guru juga didapati kurang menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) sendiri kerana tidak berkemahiran dalam menyediakannya menyebabkan para guru tidak menggunakan bahan-bahan tertentu dalam proses pengajaran. Implikasinya, para pelajar mudah merasa bosan semasa proses pembelajaran dan menyebabkan kurangnya minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran.

Berdasarkan kajian-kajian lepas mendapati bahawa terdapat beberapa permasalahan yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran ilmu hadith dijalankan:

- i. Tempoh masa mengajar yang ditetapkan tidak mencukupi.
- ii. Kebanyakan guru hanya berpandukan buku teks semasa proses pengajaran dan kurang merujuk kitab-kitab yang muktabar (*turath*).
- iii. Pihak pentadbiran sekolah tidak menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang mencukupi.
- iv. Kurangnya bimbingan yang sewajarnya kepada para guru bagi meningkatkan kualiti pendidikan.



- v. Para guru kurang menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Kesan daripada permasalahan-permasalahan tersebut menyebabkan para pelajar sukar untuk menguasai subjek-subjek yang diajar. Selain itu, para pelajar juga akan mudah berasa bosan semasa proses pembelajaran dan kurang berminat untuk mendalami subjek yang dipelajari. Hal ini justeru membantut hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang ingin melahirkan para pelajar yang berketerampilan sebagai pemimpin yang diteladani.

## 5. Kesimpulan

Hasrat kerajaan untuk melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dan memiliki ketahanan diri dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang pastinya seiring dengan kehendak masyarakat tempatan khususnya golongan ibu bapa dan guru-guru. Semua pihak haruslah bekerjasama dalam memastikan objektif pembelajaran ini tercapai. Penambahbaikan sistem pembelajaran bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) haruslah dipandang serius oleh semua pihak. Oleh itu, sukatan pelajaran pendidikan Islam khususnya melibatkan pembelajaran ilmu hadith haruslah diteliti bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Sukatan pelajaran haruslah yang bersesuaian dengan masa yang ditetapkan dan buku-buku rujukan yang khusus bagi pembelajaran ilmu hadith juga haruslah disediakan. Para guru juga hendaklah memperkenalkan kitab-kitab muktabar dalam proses pengajaran dan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian bagi meningkatkan minat para pelajar untuk mendalami ilmu ini. Melalui hadith Rasulullah SAW, para pelajar dapat mengenali Islam dengan lebih jelas. Melalui sistem pembelajaran yang lebih terancang pula pelajar lebih mudah untuk memahami ilmu yang ingin disampaikan. Hal ini dapat meningkatkan minat para pelajar untuk lebih mendalaminya diperingkat yang lebih tinggi. Justeru, pengenalan ilmu hadith dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang lebih sistematik haruslah seiring bagi melahirkan pelajar yang berjiwa islamik dan berkemahiran dalam bidang yang diceburi.

## Rujukan

- Aimi Bin Hamzah, Muhammad Haidir Bin Muhammad Isa & Muhammad Shah Bin Ujang. 2011. *Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 5*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azizi Umar dan Supyan Hussin. 2012. Cabaran Penyelarasan Kuasa antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam Mengurus Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(1): 21-30.
- Azwira Bin Abdul Aziz, Ahmad Kamal Bin Hj Mat & Muhammad Hashim Bin Nawawi. 2014. *Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah Tingkatan 4*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Fauzi Deraman, Ishak Hj Suliaman & Faisal Ahmad Shah. 2010. *Siri Warisan Nabawi Pengajian Hadith di Malaysia : Tokoh, Karya dan Institusi*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hatifah Binti Yussof. 2000. Pendidikan Syariah Islamiyyah : Satu Kajian Tentang Permasalahan Dalam Pengajaran Di Sekolah Agama Dan Harian (Kem. Pendidikan) Dan Sekolah Agama Menengah Kerajaan Negeri Di Selangor. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Januri Bin Salimin. 2000. Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah di Sekolah Menengah Agama: Satu Analisis. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. <http://www.moe.gov.my/> [25 Oktober 2016].
- Majlis Peperiksaan Malaysia. 2012. Usuluddin Sukatan Pelajaran Dan Kertas Soalan Contoh.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. 2012. Syariah Sukatan Pelajaran Dan Kertas Soalan Contoh.
- Masitah Binti Ramli & Aizan Binti Ali @ Mat Zain. 2015. Sejarah (Tipologi) Penginstitusian Sekolah Agama Di Malaysia : Satu Analisis Perbandingan Di YIK Dan JAIS. *Journal Al-Muqaddimah* 3(3): 50-65.
- Mohd. Muhiden Abd. Rahman. 2010. *'Ulum Al-Hadith Lengkap dengan Takhrij al-Hadith dan Pengajian Sanad Hadith*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Bin Arifin, Muhammad Zaini Bin Yahya & Affendi Bin Sahi. 2015. *Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 4*. Kuala Lumpur ; Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi. 2011. *‘Ulum al-Hadith Asiluha wa Ma‘asiruha*. Malaysia: Dar al-Shakir.
- Rorsuedee Salaeh @ Rushdi Jubuky. 2007. Pengajian Hadith : Satu Kajian Di Sekolah Menengah Islam Al-Amin Gombak, Selangor. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Shofian Bin Ahmad, Nazri bin Ambung @ Abdul Rahman & Amir Husain. 2015. *Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah Tingkatan 5*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Suhaimi Bin Abdul Wafir. 2006. Pengajian Hadith Di Negeri Perak : Suatu Kajian Di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh, Perak. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.